

7 **130c. Melakukan perbuatan pengganas.**

(1) Barang siapa, dengan apa pun cara, secara langsung atau tak langsung, melakukan perbuatan pengganas hendaklah dihukum—

(a) jika tindakan itu menyebabkan kematian, dengan hukuman mati; dan

(b) dalam kes yang lain, dengan pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang dari tujuh tahun tetapi tidak melebihi tiga puluh tahun, dan hendaklah juga dikenakan denda.

(2) Di mana, dalam mana-mana prosiding jenayah ianya adalah perlu untuk memutuskan sama ada mana-mana benda atau bahan itu adalah senjata, suatu bahan yang berbahaya, radioaktif atau bahan yang memudaratkan, suatu kimia toksik atau mikrobial atau agen biologi lain atau toksin, suatu sijil yang dimaksudkan telah ditandatangani oleh pihak berkuasa berkenaan yang membawa maksud bahawa benda atau bahan yang digambarkan di dalam sijil itu adalah senjata, suatu bahan yang berbahaya, radioaktif atau bahan yang memudaratkan, suatu kimia toksik atau mikrobial atau agen biologi yang lain atau toksin hendaklah mencukupi sebagai bukti fakta yang dinyatakan di dalamnya.